

# Surat pekeliling pelaksanaan belanjawan . 2 tahun sekali diedarkan

UM 10 JAN 2002

KUALA LUMPUR 9 Jan. — Surat pekeliling mengenai pelaksanaan sistem belanjawan dua tahun sekali bermula tahun ini sedang diedarkan kepada semua jabatan kerajaan.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed yakin, semua jabatan kini sedang membuat persediaan untuk menepati fasa baru itu.

“Saya difahamkan pihak Ketua Setiausaha telah mengedarkan surat pekeliling mengenai sistem belanjawan dua tahun sekali itu,” katanya.

Beliau ditanya mengenai kriteria terperinci berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Isnin lalu mengenai pelaksanaan belanjawan dua tahun sekali mulai tahun 2002 bagi memastikan peruntukan tahunan dapat dibelanjakan sepenuhnya.

## Dipercepatkan

Perdana Menteri berkata, melalui sistem baru itu, pelaksanaan projek-projek tertentu boleh dipercepatkan kerana rancangannya akan dibentangkan dalam belanjawan setahun sebelum itu bagi membolehkan segala urusan birokrasi diselesaikan sebelum tiba tahun tersebut.

Sementara itu, ketika diminta mengulas penstrukturan semula Malaysian Airline System Bhd. (MAS), Mustapa mengemukakan langkah tersebut.

“Dalam keadaan krisis kewangan yang berlaku ini di mana bank pun bermasalah dan kadar hutang adalah tinggi, saya melihat cadangan penstrukturan semula itu sebagai satu usaha mengukuhkan lagi Kumpulan,” katanya.